

14/02/2004

`Kosongkan kerusi jika didakwa'

KUALA KLAWANG: Menteri Kabinet yang menghadapi dakwaan rasuah di mahkamah wajar mengosongkan kerusinya untuk mengelakkan sebarang konflik kepentingan peribadi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata jika terus kekal, seseorang terpaksa menjalankan tugas sebagai menteri tetapi pada masa sama menghadapi dakwaan mengikut perundangan negara.

Katanya, langkah ini perlu untuk mewujudkan suasana lebih baik dalam penyaluran undang-undang.

Beliau bagaimanapun yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil tindakan sewajarnya, berhubung dakwaan rasuah dan menipu yang dihadapi Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam.

Rais yang juga Ahli Parlimen Jelebu, mengakui tindakan yang dilakukan terhadap Kasitah dan bekas Pengerusi Perwaja, Tan Sri Eric Chia antara kes profil tinggi yang diberikan perhatian pihak berkuasa.

"Saya tidak fikir dengan kes seperti ini, masih ada spekulasi kerajaan tidak serius atau tindakan tidak serius, kita harus katakan tidak seorang pun harus berada di luar cengkaman undang-undang, kita mesti berada di dalamnya dan mereka yang tidak bersalah tidak harus takut.

"Hanya mereka yang melakukan dan sedang melakukan, harus bertanggungjawab," katanya selepas melawat dan menyampaikan bantuan kepada penduduk Kampung Orang Asli Lakai, dekat Simpang Pertang, di sini, petang semalam.

Kelmarin, Kasitah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas tuduhan rasuah dan menipu membabitkan penjualan 16.8 juta saham Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah ketika menjadi pengerusi lembaga itu pada 1996.

Dr Rais berkata, semua 25 kes profil tinggi yang ditimbulkan sejak kira-kira dua tahun lalu, termasuk kes yang didedahkan beliau, sudah diambil perhatian pihak berkuasa dan sebahagian diambil tindakan.

Beliau berkata, perkara ini juga dibawa kepada pengetahuan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Abdullah, manakala siasatan dan perjalanan undang-undang sudah dilakukan.

"Cuma dalam kepemimpinan Perdana Menteri (Abdullah), beliau menjalankan tugas yang melihat kes itu membawa kepentingan pada masyarakat dan segala tugas sudah dijalankan.

"Kedua-dua Perdana Menteri (Mahathir dan Abdullah) merujuk pada proses yang sama, dulu rumahnya belum siap sekarang rumah sudah siap dibina, maka mahkamah kena ambil tindakan dan menghakimkan," katanya.

Beliau berkata, ada sebahagian kes profil tinggi tidak boleh diteruskan pada tahap pendakwaan kerana kekurangan bukti.

"Kes yang membabitkan individu yang profil tinggi dan strata ke atas dan sebagainya, kita harus terima dengan keadaan waspada dan bertanggungjawab," katanya.